

31 AUG 1996

Mahathir-Singapura

PENYATUAN SEMULA CUMA AMARAN KEPADA RAKYAT SINGAPURA

KOTA KINABALU, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kenyataan seorang menteri kanan Singapura yang membayangkan kemungkinan negara itu menyertai Malaysia semula hanya merupakan satu amaran kepada rakyatnya tentang perlunya bekerja keras.

"Cara ia diungkap atau disebut, nampaknya pada saya...mungkin saya silap, ia adalah satu amaran kepada rakyat Singapura bahawa sekiranya mereka tidak bekerja keras dan mungkin menyokong parti tertentu, Singapura mungkin tidak dapat membangun dengan begitu cepat dan pada peringkat itu, mereka mungkin terpaksa menyertai Malaysia menurut syarat-syarat Malaysia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan itu pada persidangan berita di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini hari ini. Terdahulu dari itu beliau menyaksikan perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-39 di Kompleks Sukan Likas dekat sini.

Baru-baru ini menteri kanan Singapura Lee Kuan Yew membayangkan satu senario apabila Singapura mungkin menyertai Malaysia semula sekiranya kena dengan syarat-syaratnya. Syarat-syarat itu termasuk Malaysia menerima dasar meritokrasi yang serupa seperti Singapura, tanpa memberi keistimewaan kepada mana-mana kaum.

Lee, 72, menjadi perdana menteri Singapura dari 1959 hingga 1990. Singapura menjadi sebahagian Persekutuan Malaysia pada 1963 bersama-sama dengan Sabah dan Sarawak tetapi berpisah pada tahun 1965.

"Saya yakin rakyat Singapura tidak mahu ini berlaku. Jadi sekiranya mereka tidak mahu ini, saya fikir ideanya ialah anda pastikan ia tidak berlaku. Anda mesti pastikan ia tidak berlaku. Bukanlah bahawa ia akan berlaku. Anda mesti pastikan ia tidak berlaku dan tidak akan berlaku sekiranya Singapura terus maju," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata apabila beliau cuba menganalisis kenyataan mengenai kemungkinan itu, ia sebenarnya bukan bermaksud Singapura mahu menyertai Malaysia semula. "Bukan itu yang hendak diperkatakan."

"Sekiranya kita (Singapura) gagal, kita sertai Malaysia, mungkin itulah sikap yang hendak diperkatakan," kata beliau.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata Malaysia hanya suka mereka yang berjaya menyertainya. "Kami tidak mahu mereka yang gagal," kata beliau, disambut dengan gelak ketawa hadirin.

Ditanya sama ada cadangan itu hanya bertujuan untuk mengejutkan rakyat Singapura, Dr Mahathir berkata: "Itu benar, itu memang benar. Ia bertujuan memberi sedikit kejutan elektrik kepada mereka. Jika anda tidak berkelakuan...anda tahulah." -- BERNAMA

JSM WAT NMO